

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]**

**SOALAN NO. 411**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [SETIU]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan syarat-syarat kelayakan bagi individu B40 untuk mendapatkan perkhidmatan skim MySalam.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSHR) di seluruh Malaysia yang berumur antara 18 hingga 55 tahun dan pasangannya layak untuk menjadi penerima skim MySalam. Seramai 3.8 juta golongan B40 dijangkakan layak untuk menjadi penerima skim ini. Skim ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2019, dan penerima yang layak boleh membuat tuntutan takaful mulai 1 Mac 2019 menerusi portal MySalam. Skim ini bertujuan mengurangkan bebanan golongan isi rumah B40 yang mudah terjejas akibat kejutan kewangan sekiranya berlaku kemasukan ke hospital atau penyakit kritikal yang tidak dijangka.

2. Berbanding dengan golongan M40, golongan isi rumah B40 lebih terdedah kepada kejutan kewangan dan kehilangan pendapatan sewaktu menerima rawatan, terutamanya mereka yang bekerja sendiri atau dibayar gaji harian. Golongan pertengahan M40 juga lebih berkemampuan untuk mendapat perlindungan swasta yang juga mungkin lebih komprehensif. Skim ini bukan merupakan perlindungan takaful kesihatan dan perubatan yang lazim disediakan oleh pengendali takaful berlesen. Ini adalah kerana wang tuntutan skim ini akan dibayar terus kepada penerima dan bukan hospital atau klinik perubatan. Sehingga 4 April 2019, sebanyak 1,094 tuntutan telah diterima menerusi portal MySalam. Proses tuntutan oleh pengendali takaful skim akan dikendalikan dalam jangka masa dua minggu. Sebanyak 97 tuntutan berjumlah RM40,200 telah dibayar di mana 95 tuntutan untuk kemasukan hospital dan 2 tuntutan untuk penyakit kritikal.

Sekian, terima kasih.